

# 800 atlet akan beraksi pada Sukan BIMP-EAGA Labuan 2014

LABUAN: Lebih 800 atlet dari 14 kontinjen akan menyertai Sukan Persahabatan BIMP-EAGA (EAGA) kali ke-8 2014 dari 6 hingga 10 Disember depan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Mereka akan beraksi dalam 10 acara iaitu boling padang, sepak takraw, futsal, bola tampar pantai, seni pertahanan diri (pencak silat seni), bola sepak, olahraga, memanah, badminton dan golf VIP. Atlet terlibat akan merebut 65 pingat emas pada edisi kali ini.

BIMP-EAGA adalah singkatan bagi Kawasan Pertumbuhan Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina. Edisi pertama sukan ini berlangsung di Filipina pada 1996 diikuti Brunei pada tahun berikutnya sebelum dihentikan sementara.

Ia diadakan kembali pada 2003, dengan Filipina sekali lagi menjadi tuan rumah. Edisi ketiga diadakan di Sabah pada 2004, kemudian Indonesia (2006), Brunei (2008) dan Filipina pada 2012.

Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli berkata, Labuan kini bersiap sedia untuk menjadi tuan rumah edisi kelapan kejohanan dwi-tahunan itu.

Katanya, di samping berbangga kerana dipilih



**ROZMAN** (tiga kanan) melancarkan maskot BIMP-EAGA 2014 di Hotel Billion Pavillion Labuan.

menjadi tuan rumah, Labuan yakin akan dapat mengendalikannya dengan lancar walaupun pertama kali menjadi hosnya.

Beliau yang juga pengerusi Perbadanan Labuan berkata semua infrastruktur, venue dan kemudahan sudah siap disediakan atau di peringkat akhir persiapan, yang membabitkan peruntukan RM2 juta.

"Walaupun Sukan BIMP-EAGA pertama kali diadakan di Labuan, kami sudah bersedia dan berharap semuanya akan berjalan lancar," ka-

tanya ketika berucap melancarkan promosi kejohanan itu di Hotel Billion Pavillion, Sabtu lalu.

Pada majlis itu, Rozman menamakan ketam kesising sebagai maskot kejohanan itu sebagai simbolik kepantasan atlet.

Turut hadir Ahli Dewan Negara Senator Datuk Yunus Kurus dan Pengarah Majlis Sukan Labuan (MSL) Mohd Khairul Yaakop.

Rozman berkata, sekurang-kurangnya 85 peratus daripada 144 atlet Labuan membuat persiapan

untuk bertanding dalam 10 acara dan menambah baik pencapaian mereka berbanding sebelum ini.

"Kontinjen Labuan amat yakin akan mencapai prestasi lebih baik daripada sukan yang diadakan sebelum ini di General Santos City, Filipina pada 2012," katanya.

Beliau yang juga pengerusi MSL mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjadi ahli jawatankuasa penganjur dan berharap kejohanan itu akan berjalan lancar seperti mana yang dirancang selama ini.